

19 OCT 2001

REAKSI-PRICEWATERHOUSECOOPERS

BELANJAWAN CUBA IMBANGKAN INSENTIF UNTUK RAKYAT & KORPORAT

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 yang dibentangkan hari ini telah disifatkan sebagai cuba untuk mengimbangi pakej-pakej rangsangan yang diberikan kepada orang ramai dan sektor korporat.

Kecuali kepada segolongan kecil, ia tidak memeritkan, kata pengarah PricewaterhouseCoopers Malaysia, Wan Heng Choon, dalam reaksi beliau kepada Belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan menteri kewangan, di sini hari ini.

Beliau berkata individu akan gembira dengan pengurangan cukai pendapatan peribadi antara satu hingga dua peratus serta pengurangan dalam duti import ke atas 55 barangan pengguna.

Bagaimanapun, mungkin ada juga yang tidak gembira dengan kenaikan harga petrol 10 sen seliter berkuatkuasa esok. Turut dinaikkan adalah duti import ke atas rokok dan barangan tembagai yang berkuatkuasa dari 4.00 pm hari ini, katanya.

Walaupun cukai korporat tidak dikurangkan, Wan gembira dengan insentif yang ditawarkan bagi dagangan seberang laut menerusi laman-laman web Malaysia.

Beliau turut gembira dengan lanjutan yang diberikan kepada elaun pelaburan semula kepada 15 tahun daripada lima tahun. -- BERNAMA

MSL SEL JR